

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini direkabentuk untuk memberikan anda beberapa maklumat mengenai insurans kemalangan diri anda.



Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat;
anda juga digalakkan membacanya.

Tarikh:

1 Apakah Biz PA?

Biz PA Enhanced menyediakan perlindungan 24/7 di seluruh dunia untuk pekerja yang diinsuranskan sekiranya berlaku kecederaan tubuh badan, hilang upaya, kematian atau perbelanjaan perubatan yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium tahunan **RM90**, seorang lelaki berumur 30 tahun dalam Kelas Pekerjaan 1 yang memilih Pelan 2 – RM50,000 dengan perlindungan pilihan pampasan mingguan akan menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini **meliputi**:

Seksyen 1 – Kemalangan Diri (Perlindungan Wajib)

1. Kematian akibat Kemalangan – **RM50,000**
2. Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan – **RM50,000**
3. Indemniti Tambahan untuk Pengangkutan Awam – **RM50,000**

Seksyen 2 – Manfaat Tambahan (Perlindungan Lanjutan)

4. Perbelanjaan Perubatan – **RM3,000**
Termasuk Perubatan Alternatif – **RM50 setiap lawatan, sehingga RM500 setiap kemalangan**
5. Bayaran Ambulans – **RM500**
6. Elaun Perkabungan – **RM2,000**
7. Luka Kebakaran (Tahap Kedua atau Ketiga) – **RM5,000**
8. Pendapatan Hospital Harian – **RM75 setiap hari, sehingga mak. 90 hari**
9. Kematian akibat Demam Denggi – **RM5,000**
10. Pemulihan Demam Denggi – **RM1,000**
11. Tulang Patah (sehingga maks.) – **RM5,000**
12. Yuran Laporan Perubatan – **RM100**
13. Pembelian Protesis / Kerusi Roda – **RM1,000**
14. Kos Pengambilan Pekerja Baru – **RM5,000**
15. Perbelanjaan Penghantaran Pulang – **RM5,000**
16. Pampasan Kecurian Ragut – **RM250**
17. Pampasan Kaunseling Trauma (setiap sesi sehingga mak. RM3,000 setiap polisi) – **RM500**

Dengan Pampasan Mingguan

18. Hilang Upaya Menyeluruh Sementara – **RM125 seminggu, sehingga maksimum 52 minggu**
19. Hilang Upaya Separa Sementara – **RM62.50 seminggu, sehingga maksimum 52 minggu**

Nota: Seksyen 2 ialah perlindungan lanjutan yang memerlukan bayaran premium tambahan.

Polisi ini **tidak termasuk**:

- Ketaksiuman, bunuh diri atau percubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), kecederaan diri secara sengaja atau sebarang percubaan ancaman kecederaan.
- Sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan/atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) atau Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV).
- Kecacatan kongenital, kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia ada.
- Pembunuhan atau serangan provokasi, pendedahan secara sengaja kepada bahaya yang tidak perlu kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Dengan bayar premium tambahan **sebanyak RM10**, anda boleh melanjutkan perlindungan untuk menambah:

1. Kemasukan dan Keluar Hospital Tanpa Tunai (untuk Manfaat Perbelanjaan Perubatan akibat Kemalangan) – **Maksimum RM2,000 untuk Kemudahan Tanpa Tunai**

Nota: Ini adalah perlindungan pilihan yang mesti dilampirkan bersama Seksyen 1 dan Seksyen 2

Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi insurans kemalangan diri anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1300 13 2121 atau
+603 3007 2121



Layari laman web
kami di:
[Biz PA | Generali Malaysia](#)



E-mel kami di:
customer.service.qi@generali.com.my



Imbas kod
QR
di atas

Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:

Tingkat 4, Podium Bangunan
AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Laman Web BNMLINK:
bnm.gov.my/BNMLINK

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans kemalangan diri ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	
Seksyen 1 – Kemalangan Diri (Perlindungan Wajib): RM45	RM90 (tahunan)
Seksyen 2 – Perlindungan Tambahan (Perlindungan Lanjutan): RM45	
Perlindungan Tambahan	RM10 (tahunan)
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM100	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	RM10
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	25% daripada premium atau RM25
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM8

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang cadangan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda tahu atau patut tahu, termasuk aktiviti peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko.
- Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya berlaku tuntutan kematian dan kecederaan badan dalam tempoh 30 hari selepas kemalangan.
- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memulangkan polisi dalam masa 15 hari dari tarikh penghantaran polisi. Anda berhak mendapat pulangan premium penuh yang telah dibayar ditolak potongan sebarang tuntutan atau perbelanjaan yang ditanggung oleh kami dalam pengeluaran polisi, dengan syarat tiada tuntutan dibuat.
- **Individu Yang Layak:** Orang Yang Diinsuranskan yang berumur antara 16 hingga 70 tahun pada masa permohonan, dengan pembaharuan polisi sehingga umur 75 tahun. Semua warganegara Malaysia, pemastautin tetap, pemegang permit kerja dan pemegang pas yang menetap secara sah di Malaysia.
- **Waranti Premium:** Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan perlindungan, jika tidak, perlindungan akan dibatalkan secara automatik, dan anda masih akan bertanggungjawab untuk membayar bahagian premium untuk tempoh Kami menanggung risiko.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Jika tiada tuntutan dibuat, sebarang bayaran balik selepas pembatalan adalah tertakluk kepada terma & syarat dalam polisi.